



## **Belanjawan 2023 cermin keprihatinan kerajaan terhadap isu kos sara hidup**

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Februari 24, 2023 @ 7:46pm  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyifatkan Belanjawan 2023 mencerminkan keprihatinan kerajaan dalam mendepani dan menangani isu kos sara hidup serta kemaslahatan hidup rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata sebagai menteri yang bertanggung jawab berkenaan isu kos sara hidup, beliau menyambut baik akan Belanjawan 2023 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selaras dengan prinsip MADANI.

Katanya, Belanjawan 2023 memperlihatkan komitmen kerajaan dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat terus diberi keutamaan, manakala agenda pertumbuhan ekonomi negara terus diperkasa dan diberi sokongan.

"KPDN terus diberikan tanggungjawab untuk membantu rakyat dalam mendepani cabaran kos sara hidup negara selain peneraju kepada pembangunan Sektor Perdagangan dan Pengeedaran serta kebajikan pengguna," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, bagi memastikan rakyat terus mendapat pembelaan dalam menghadapi cabaran kenaikan kos sara hidup, program menstabilkan kos sara hidup rakyat diberikan tumpuan melalui Konsep Payung Rahmah termasuk Kempen Menu Rahmah, Bakul Rahmah dan Jualan Rahmah.

Katanya, sebanyak RM100 juta yang diperuntukkan bagi tujuan Program Jualan Rahmah akan membolehkan KPDN melaksanakan jualan itu di semua 222 kawasan Parlimen sekali gus memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah.

"Melalui program ini, rakyat akan dapat menikmati harga barangan asas sehingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Perpaduan turut prihatin terhadap nasib penduduk di luar bandar dan ia dapat dilihat melalui peruntukan sebanyak RM225 juta yang diluluskan untuk KPDN meneruskan Program Pengeedaran Barangan Perlu, Gas Petroleum Cecair (LPG) dan 'Community Drumming'.

"KPDN akan melaksanakan pengedaran barangan keperluan asas kepada penduduk di 822 kawasan pendalaman di Sabah, Sarawak, Terengganu, Pahang, Kelantan dan Kedah.

"Ini termasuklah 25 kawasan pengedaran baharu antaranya di Paloh dan Passin, Sarawak; Pasir Raja, Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan.

"Program ini akan memberi manfaat kepada 1.28 juta penduduk luar bandar di enam negeri tersebut di mana mereka dapat membeli tujuh barangan keperluan iaitu tepung gandum kegunaan am, gula putih bertapis kasar, beras putih dan minyak masak sawit tulen paket satu kilogram atau satu liter, LPG serta petrol RON95 dan diesel pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

Salahuddin berkata, KPDN komited untuk memastikan subsidi yang diperuntukkan itu akan dinikmati oleh golongan yang layak serta melaksanakan penguatkuasaan bagi mengelakkan ketirisan subsidi tersebut.

Oleh itu katanya, KPDN menyambut baik pengumuman kerajaan untuk menggubal Akta Kredit Pengguna serta menubuhkan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna bagi mengawal selia perniagaan kredit.

"Usaha itu akan dapat melindungi hak-hak pengguna dan perniagaan," katanya.

Beliau berkata, KPDN akan terus memastikan peruntukan yang dinyatakan dalam Belanjawan 2023 itu digunakan mengikut perancangan supaya impak dan manfaat yang baik dapat dinikmati oleh rakyat.

"Adalah diharapkan segala pelaksanaan KPDN ini akan menyokong gagasan Malaysia Madani yang diperkenalkan Perdana Menteri baru-baru ini," katanya.